

Latihan 1 : Padankan perbezaan Nabi dan Rasul dengan maksud yang betul.

Rasul

Lelaki yang dipilih dan dikurniakan wahyu oleh Allah serta diperintahkan untuk menyampaikannya kepada orang lain.

Nabi

Lelaki yang dipilih dan dikurniakan wahyu oleh Allah namun tidak diperintahkan untuk menyampaikannya kepada orang lain.

LATIHAN 2: PADANKAN NAMA RASUL DENGAN CONTOH MUKJIZAT HISSIYYAH DALAM PERNYATAAN DI BAWAH

NABI SOLEH

TONGKAT BAGINDA BERTUKAR MENJADI ULAR

NABI MUSA

SEKOR UNTA YANG CUKUP SIFAT KELUAR
DARIPADA BATU


NABI ISA

PERISTIWA ISRA' MIKRAJ

NABI MUHAMMAD

MENYEMBUHKAN ORANG YANG BUTA DAN SOPAK

Latihan 3 :



1. Maksud _____ dari segi istilah : Pemeliharaan Allah terhadap rasulnya daripada melakukan dosa dalam apa bentuk sekalipun.
2. Mukjizat ada 2 jenis, Hissiyah dan _____
3. Mukjizat _____ adalah mukjizat yang dapat dikesan dengan pancaindera; dapat dilihat, dipegang dan dirasai namun tidak berkekalan (ianya berlaku semasa rasul yang menerima mukjizat tersebut masih hidup)
4. Maksud ulul azmi adalah _____ yang mempunyai kecekalan dan ketabahan hati untuk menghadapi ujian dalam berdakwah.
5. Sifat _____ bagi rasul ada 4 (FAST) : Fathanah, Amanah, Siddiq (Bercakap benar), Tabligh (menyampaikan).
6. Sifat mustahil bagi Rasul, adalah lawan kepada sifat wajib bagi rasul. Amanah lawannya _____
7. Sifat mustahil bagi Rasul ada 4: Baladah (bodoh), Khianat, _____ (bercakap bohong), Kitman (menyembunyikan)